

30/06/2002

Pak Lah yakin BN rampas semula

Hassan Omar

ALOR STAR: Barisan Nasional (BN) yakin dapat merampas semula kerusi Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, meskipun mengakui terpaksa berhadapan Pas dalam satu pertarungan yang hebat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kemenangan BN kali ini cukup penting kerana ia sedikit sebanyak boleh dijadikan pengukur kemampuan dan kekuatan parti pemerintah dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, pilihan raya kecil itu dianggap hebat kerana BN akan berusaha habis-habisan merampas semula kedua-dua kerusi itu yang sebelum pilihan raya umum 1999, adalah milik BN manakala Pas berusaha mempertahankannya.

"Kami bersungguh-sungguh ingin menang... mereka (Pas) bersungguh-sungguh ingin mempertahankannya. Jadi pilihan raya kecil ini pasti hebat.

"Tetapi saya yakin, dengan semua persediaan yang kita buat selama ini, harapan kita untuk menang, akan menjadi kenyataan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Perhubungan Umno Kedah, di Kediaman Rasmi Menteri Besar, di Mentaloon, di sini semalam.

Turut hadir Menteri Besar yang juga Pengerusi Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan ketua serta wakil Ketua Umno bahagian. Terdahulu, Abdullah mempengerusikan mesyuarat BN negeri di premis berkenaan.

Pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit akan diadakan secara serentak 18 Julai ini. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan penamaan calon pada 10 Julai ini.

Abdullah berkata, BN bukan setakat berusaha mematahkan hujah Pas, sama ada isu peringkat negeri atau nasional, malah menjelaskan kepada pengundi mengenai isu yang menyebabkan mereka terkeliru hingga mendorong mereka memilih wakil rakyat pembangkang dalam pilihan raya umum lalu.

Beliau berkata, keputusan pilihan raya kecil itu sedikit sebanyak boleh dijadikan kayu pengukur kemampuan BN untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Kita tidak boleh anggap keputusan satu atau dua pilihan raya kecil akan jadi kayu pengukur kemampuan BN di seluruh negara tetapi sedikit sebanyak ada kesan bagi mereka yang mahu membuat analisis.

"Kalau isu yang dibangkitkan itu isu nasional dan membawa pengaruh kepada sikap pengundi, maka iamenjadi satu faktor yang boleh dinilai sama ada rakyat mempunyai kecenderungan yang sama atau sebaliknya.

"Bagaimanapun, Pendang dan Anak Bukit ini adalah kawasan luar bandar...kawasan bandar lain pula. Tidak bolehlah dianggap sebagai kayu ukur," katanya.

Ditanya sama ada aspek simpati berikutan pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meletakkan jawatan dalam parti dan kerajaan serta kematian Presiden Pas, Datuk Fadzil Md Noor akan menjadi faktor dominan bagi pengundi membuat pilihan, Abdullah berkata:

"Dalam semua pilihan raya memang ada undi simpati. Bila-bila pun, memang ada undi simpati."

Abdullah berkata, beliau tidak menganggap aspek peralihan kepemimpinan Pas daripada Fadzil kepada Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Hadi Awang yang kini menjalankan tugas Presiden Pas, mampu mempengaruhi pengundi.

Mengenai aspek calon, beliau berkata, BN akan mengumumkannya apabila tiba waktunya.

Selain itu, beliau berkata, polis akan memastikan keselamatan sentiasa terjamin sepanjang tempoh berkempen dan hari mengundi manakala permit akan diberikan kepada kedua-dua parti untuk berkempen sepanjang tempoh kempen.

Pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit diadakan berikutan kematian Fadzil 23 Jun lalu.

(END)